

16/07/2001

PPP ambil ahli untuk sayap puteri

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Progresif Rakyat (PPP) akan mula mengambil ahli berusia 18 hingga 30 tahun untuk sayap Puterinya.

Ketua Wanitanya, Dr P Vasantha, berkata sayap baru yang akan mempunyai pemimpinnya sendiri akan menjadi sebahagian daripada pergerakan Wanita.

"Perbezaan antara kedua-dua pergerakan itu ialah ahli Puteri berusia 18 hingga 30 tahun manakala Wanita pula berusia 30 tahun ke atas.

"Ahli Puteri yang mencapai usia 30 tahun akan menjadi ahli Wanita secara automatik," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat PPP di sini, hari ini.

Beliau yakin pihaknya dapat menarik minat ramai golongan muda menyertai sayap baru itu berdasarkan kelebihan PPP iaitu ahlinya terdiri daripada rakyat berbilang kaum.

Dr Vasantha berkata, mereka juga akan menarik lebih ramai golongan muda melalui pelbagai program bersepadu seperti program teknologi maklumat (IT), komestik dan kursus perkahwinan.

Beliau berkata, semua ketua Wanita PPP di setiap negeri akan memulakan kegiatan pengambilan ahli mulai hari ini.

Selain itu, Dr Vasantha berkata, Wanita PPP juga menyokong penuh cadangan Wanita Barisan Nasional (BN) untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Kovenyen BN pada 7 Julai lalu, meluahkan gagasan untuk menjadikan gabungan 13 parti komponen itu sebagai parti tunggal bagi satu bangsa Malaysia.

(END)